

Pengguna perlu tegas

U.M. 18/1/07 M/S 11

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

PENGGUNA -pengguna di Malaysia rata-rata masih kurang bijak dalam menggunakan kuasa beli yang mereka ada.

Itulah kesimpulan ringkas yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Talaat Husain.

Menurut beliau, hal itu merangkumi kuasa mengelakkan kerugian atau sekurang-kurangnya dapat mendidik para peniaga yang tidak bertanggungjawab dan sering mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang.

Malahan pengguna-pengguna di negara ini mudah dikelirukan dengan pelbagai tawaran dan potongan harga sehingga membeli barang-barang yang pada pandangan kasar adalah murah sebaliknya mereka membeli barangan yang telah dinaikkan harga dan mahal.

"Tetapi itulah senario yang berlaku di Malaysia sekarang," kata Talaat.

Ujarnya, keadaan ini berlaku bukan kerana rakyat Malaysia buta undang-undang atau tidak mengetahui hak mereka sebagai pengguna tetapi apa yang berlaku ialah mereka mudah tertipu dan terpengaruh.

"Keadaan inilah yang menyebabkan berlakunya pelbagai kes-kes penipuan, membeli barang yang tidak diperlukan, barang yang terlalu mahal dan pembaziran.

"Paling memeranjatkan ialah orang Malaysia ini pantang lihat jualan murah, mesiti diserbu walaupun pada hakikatnya mereka tidak memerlukan barang-barang tersebut," katanya dalam satu interviu bersama *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau yang akan bersara daripada perkhidmatan awam pada 26 Januari ini selepas berkhidmat selama 33 tahun sembilan bulan dan 10 hari berkata, inilah nasihat



TALAAAT

Malahan pengguna-pengguna di negara ini mudah dikelirukan dengan pelbagai tawaran dan potongan harga sehingga membeli barang-barang yang pada pandangan kasar adalah murah sebaliknya mereka membeli barangan yang telah dinaikkan harga dan mahal

TALAAAT HUSAIN
Ketua Setiausaha KPDNHEP

terakhir yang dapat diberikan kepada pengguna sebelum menamatkan khidmat dalam kerajaan.

Talaat menegaskan, apa yang beliau lontarkan bukan untuk menyalahkan pengguna-pengguna di negara ini kerana mudah ditipu atau mudah terpengaruh, tetapi lebih kepada berusaha untuk mendidik mereka menjadi pengguna bijak.

Inilah misi utama kementerian, kerana tanpa mempunyai pengguna yang bijak serta mampu berfikir selain dapat membuat keputusan segera ketika hendak membeli-belah, maka kes-kes pengguna ditipu akan terus berlaku.

"Mereka boleh menyatakan apabila tertipu kerana sikap kurang bertanggungjawab peniaga yang mengambil kesempatan atau kurangnya penguatkuasaan daripada kementerian.

"Namun sebenarnya ialah peniaga boleh membuat pelbagai tawaran tetapi sebagai pengguna, mereka perlu menyedari bahawa pengguna mempunyai kuasa yang paling besar.

"Ta adalah duit mereka, jadi sebarang keputusan tertakluk kepada diri sendiri. Kalau menyedari dalam proses hendak

ditipu maka gunakan hak pengguna dengan berlalu pergi dan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sebetulnya," kata beliau.

Talaat memberitahu, usaha kementerian sekarang ini adalah untuk mendidik rakyat Malaysia menjadi pengguna bijak bagi membendung gejala kenaikan harga barang-barang dan seterusnya mengawal pasaran daripada ancaman peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Kempen pengguna bijak ini bagi mendidik mereka bahawa pengguna mempunyai pilihan untuk membeli barang keperluan harian atau menggunakan perkhidmatan, dan peniaga yang menjual pada harga yang tinggi tidak akan disokong malahan akan diboikot.

Kempen ini kata Talaat ialah merupakan strategi bagi membolehkan orang ramai mengetahui hak dan pilihan serta memperkasakan diri mereka sebagai pengguna.

Ujar beliau, apa yang hendak dicapai dalam kempen ini ialah peniaga bertanggungjawab dan berfikiran jauh serta pengguna yang bijak dan berhemat.

Ditanya mengapa rakyat Malaysia sering membuat bisings apabila tiba musim pera-

yaan dengan menyatakan harga barang-barang naik dan sebagainya sedangkan sepanjang tahun tanpa mereka tidak sedari harga barang memang dinaikkan sedikit demi sedikit oleh peniaga.

Saya melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang positif untuk pengguna menyuarakan rasa hati mereka, tegas Talaat.

"Kalau mereka membisu sepanjang tahun, para peniaga akan terus mengambil kesempatan dan para pengguna akan terus membayar harga barang yang akan meningkat sepanjang tahun.

"Sekurang-kurangnya kementerian, peratuan pengguna dan kumpulan-kumpulan pendesak dapat memberi tekanan kepada para peniaga untuk menurunkan harga barang," katanya.

Cuma beliau berharap, membuat bisings sekali dalam setahun ini dapat diperluaskan sepanjang tahun agar terdapat usaha untuk memberi tekanan secara berterusan kepada para peniaga.

Talaat memberitahu, perkara ini penting kerana para peniaga hanya menunggu masa untuk menaikkan harga.

Tambah beliau, tanpa kesedaran untuk mempersoalkan tindakan para peniaga ini, pengguna-pengguna di negara ini akan terus diambil kesempatan.

"Saya memberi contoh, para peniaga sebenarnya sentiasa mencari peluang untuk menaikkan harga barang seperti kalau ada kenaikan minyak, tol dan sebagainya.

"Para peniaga ini akan berlumba-lumba untuk menaikkan harga dengan menyatakan pelbagai kos meningkat sedangkan pada hakikatnya peratus kenaikan kos adalah rendah," katanya.

Talaat memberitahu, sebab itulah amat penting untuk para pengguna menjadi pengguna bijak bukan sahaja untuk melindungi diri sendiri daripada para peniaga yang tidak bertanggungjawab tetapi untuk memberi tekanan kepada peniaga bahawa pengguna mempunyai kuasa yang besar.